

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/1988**

=====

**LOMBONG-LOMBONG YANG DIKERJAKAN DI ATAS PAJAKAN
LOMBONG YANG TELAH LUPUT TEMPOHNYA**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Darul Ehsan yang bermesyuarat pada 24 Februari, 1988 telah membuat keputusan seperti berikut:-

- (i) Pengarah Tanah dan Galian, Pentadbir Tanah Daerah dan Merinyu Kanan Galian Selangor hendaklah melaksanakan sepenuhnya dasar mengenai pembaharuan Pajak Lombong yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan pada 16 Mei, 1963 sebagaimana yang terkandung di dalam "C.L. & M. Circular No. 2/64" bertarikh 21 April, 1964. Pekeliling tersebut hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dan diedarkan semula oleh Pengarah Tanah dan Galian kepada semua pegawai berkenaan dengan arahan peraturan-peraturan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.
 - (ii) Bagi permohonan-permohonan yang belum dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan tetapi telah diberi kebenaran oleh Jabatan Galian untuk meneruskan aktiviti perlombongan, Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah mengemukakan semua permohonan berkenaan dengan segera kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.
2. Pekeliling C.L. & M. Circular No. 2/64 yang disebutkan di perenggan 1(i) di atas berserta dengan terjemahannya di dalam Bahasa Malaysia adalah sebagaimana yang dikembarkan.
3. Semua pihak yang berkenaan (iaitu Pentadbir Tanah Daerah, Merinyu Kanan Galian dan Pengarah Tanah dan Galian) hendaklah memastikan supaya tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil bagi mematuhi dan melaksanakan sepenuhnya keputusan tersebut.

Sekian.

T.T
(DATO' ABDUL HADI BIN HJ. SIDEK)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 06 April, 1988

PTG.Sel.14/1/3/1(28)

Edaran kepada:

- Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah
- Merinyu Kanan Galian Selangor

Ref. No.(7) in C.L.M. (sel) 0.2

C.L. & M SELANGOR CIRCULAR NO. 2/64

RENEWAL OF MINING LEASES

It has been brought to the notice of State Government that applications for renewal of Mining Leases, though made within the prescribed period, the renewal has been delayed resulting in the land continued to be worked after expiry of the leases. From a legal point of view workings on the expired leases should cease, but in the interest of the tin mining industry and the hardships encountered thereby it was felt not fair to stop operations on the land as the fault did not lie with the mine.

2. In order to clear all legal complications arising out of renewal of Mining Leases, the State Executive Council, at its meeting held on 16 May 1963, has formulated the following policy.

- (i) In general it is desirable, as much in the interest of administrative efficiency as of the tin mining industry, that renewal of Mining Leases should be affected by way of extension of the terms of the lease rather than by the issue of a fresh lease.
- (ii) Since a decision to extend the term of the Mining Lease would be inoperative if taken after the term of the lease had expired the Collector should, in the case of an applications for renewal made in good time, (that is to say, not less than twelve months prior to the date of expiry of the lease) submit a report thereon to the Executive Council not later than six months prior to the date of expiry. If it is not possible for the Council to finalize advice on the application on submission, whether because, the Collector has not been in a position to make recommendations in full or for any other reason, the Council should in appropriate cases advise approval of the application in principle in order that the lessee may plan his mining operations or the continuance thereof without delay. Whether such advice is tendered or not the application should be re-submitted to Council not later than two months from the date of expiry of the lease. If the Council is still unable to tender final advice then a interim extension of twelve months or such other period as may appear suitable should be recommended.
- (iii) Where the application is late, an Endeavour should be made to follow the procedure set out in the preceding paragraphs wherever possible. The application should, however, in any event be submitted for the consideration of Council not later than two months prior to the date of expiry of the term of the lease or immediately on receipt of the application, if it is more than ten months late.

TERJEMAHAN

PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL.2/64

PEMBAHARUAN PAJAKAN LOMBONG

Kerajaan Negeri telah dimaklumkan bahawa sungguhpun permohonan untuk membaharui Pajak Lombong dibuat dalam tempoh yang ditetapkan, tetapi telah berlaku kelewatan dalam pembaharuannya yang menyebabkan tanah itu terus dikerjakan selepas tamat tempoh pajakan. Dari segi undang-undang kerja-kerja di atas pajakan yang telah tamat tempohnya sepatutnya diberhentikan, tetapi bagi kepentingan perusahaan perlombongan bijih timah dan kesukaran yang dihadapi daripadanya, adalah difikirkan bahawa tidak adil untuk memberhentikan operasi-operasi di atas tanah itu memandangkan bahawa kesilapan tidak dilakukan oleh pelombong.

2. Untuk mengatasi segala implikasi undang-undang yang timbul daripada pembaharuan Pajak Lombong, Majlis Mesyuarat Kerajaan di mesyuaratnya yang berlangsung pada 16 Mei 1963 telah membuat dasar seperti berikut:-

- (i) Pada amnya, sama ada untuk kepentingan kecekapan pentadbiran ataupun perusahaan perlombongan bijih timah adalah perlu supaya pembaharuan Pajak Lombong dilaksanakan dengan cara perlanjutan tempoh pajakan tetapi tidak dengan cara pengeluaran pajakan baharu.
- (ii) Oleh kerana suatu keputusan melanjutkan tempoh Pajak Lombong akan menjadi tidak berkesan jika dibuat selepas tamat tempoh pajakan. Pemungut hendaklah, bagi permohonan pembaharuan yang dibuat dalam masa yang sepatutnya (iaitu tidak lewat daripada 12 bulan sebelum tarikh tamat tempoh pajakan) mengemukakan laporan mengenainya kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan tidak lewat daripada 6 bulan sebelum tarikh tamat tempoh itu. Jika tidak berkemungkinan untuk majlis memutuskan nasihat mengenai permohonan itu apabila dikemukakan, sama ada kerana pemungut tidak bersedia untuk membuat perakuan yang sepenuhnya atau oleh kerana sebab-sebab lain, majlis hendaklah di dalam keadaan-keadaan yang bersesuaian menasihatkan supaya permohonan itu diluluskan pada dasarnya supaya pemajak boleh merancang operasi perlombongannya.